

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

Kesal peniaga enggan turun harga makanan

Kesal peniaga enggan turun harga makanan

Kuala Lumpur: Kerajaan terkilan dengan sikap pengusaha restoran dan kedai makan yang gagal menurunkan harga makanan, walaupun kos bahan mentah dalam pasaran kini menunjukkan penurunan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata harga bahan mentah dalam pasaran sudah menunjukkan penurunan, tetapi harga makanan dan minuman masih dikekalkan ketika berlakunya kenaikan barangan.

Katanya, pengusaha restoran dan peniaga kedai makan sepatutnya bertindak menurunkan harga bagi membantu mengurangkan bebanan orang ramai.

“Rakyat menuding jari menyalahkan kerajaan berikutan kenaikan harga barangan, terutama membabitkan bahan mentah, tetapi agak mengecewakan apabila pengusaha restoran, kedai makan dan peruncit tidak pula menurunkan harga selepas harga bahan mentah diturunkan.

“Orang ramai dan semua peniaga, termasuk pengusaha restoran dan kedai makan serta peruncit diminta memberi kerjasama dengan menurunkan harga makanan kerana semua harga bahan mentah sudah menunjukkan penurunan,” katanya.

Terdahulu, Rafizi yang juga

Timbalan Presiden PKR, hadir menyampaikan ucapan utama sempena Konvensyen Pilihan Raya Negeri Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Presiden PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Adam Adli Abdul Halim.

Kekalkan OPR

Mengulas lanjut, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan, berkata kerjasama orang ramai amat diperlukan bagi membantu kerajaan mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) dalam negara.

Khamis lalu, Jawatankuasa

Dasar Monetari (MPC) Bank Negara dilaporkan memutuskan untuk mengekalkan OPR pada kadar 2.75 peratus.

Mengulas lanjut, Rafizi mengakui kerajaan tidak berkemampuan campur tangan terhadap kenaikan harga makanan di semua restoran dan kedai makan.

Sebaliknya, katanya, orang ramai disaran-turut sama memainkan peranan membantu dalam usaha kerajaan mengekalkan OPR.

“Orang ramai boleh memilih dengan ke restoran dan kedai makan lain, jika mendapati pengusaha makanan masak tidak menurunkan harga,” katanya.